

Keng Yaik dedah Adun Gerakan ditawar berjuta ringgit

BH 1 1 FEB 2000

GEORGETOWN, Khamis – Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mendedahkan masih ada usaha dalam parti itu untuk menjatuhkan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Sambil menyebut tawaran daripada gergasi perniagaan yang membatik jutaan ringgit terhadap sekurang-kurangnya dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di sini sebagai berita terbaru yang diterimanya, Lim berkata perkara itu akan disampaikan terus kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Mereka ini langsung tidak menghormati pengundi di negeri ini. Saya paling kecewa kerana sudah ada dua tiga orang saya yang mula mengikut telunjuk mereka pula.

“Sama ada mereka ada kaitan dengan parti lain masih belum dapat saya pastikan lagi tetapi saya yakin wujud semacam persefahaman di antara golongan ini untuk mencuba menarik orang Gerakan meninggalkan parti,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis rumah

terbuka sempena Tahun Baru Cina anjuran Gerakan bahagian Jelutong, di Taman Free School, dekat sini, malam ini.

Katanya, dalam laporan kepada Dr Mahathir itu nanti beliau akan menjelaskan secara terperinci berhubung pergolakan berkenaan, termasuk mendedahkan komplot yang sedang dirancang oleh pihak tertentu dan bagaimana mereka melakukannya.

“Gerakan adalah parti yang mesra kepada sektor perniagaan. Tetapi itu tidak bermakna kami akan tunduk kepada telunjuk mereka.

“Adun-Adun saya masih mengalami tekanan yang serius dengan usaha menarik mereka ke sini dan ke sana dan tawaran pelbagai pihak.

“Setakat ini mereka berjaya menolak godaan dan tawaran itu dan kami akan terus mengambil tindakan yang tegas dalam perkara ini,” kata Lim sambil menambah bahawa usaha akan terus dijalankan dan tindakan disiplin akan diambil terhadap sekurang-kurangnya dua ahli parti itu yang dikenal pasti sebagai pembelot.

Ketika diminta mengulas berhu-

bung pergolakan dalam BN akibat ke-masukan dua bekas Adun Gerakan ke dalam MCA baru-baru ini pula, Lim berkata:

“Saya tidak sebut BN. Saya kata Gerakan. Siapa makan cili dia rasa pedaslah.”

Pada majlis sama, Presiden Gerakan itu turut menerima 100 borang permohonan keahlian untuk menyertai semula Gerakan awangan Taman Free School yang dibekukan berikutan tindakan Adunnya, Lim Boo Chang keluar parti selepas pilihan raya lalu.

Beliau berkata, perintah pembekuan terhadap cawangan berkenaan juga dibatalkan dengan pelantikan bekas Naib Pengerusinya Choo Kau Choy sebagai Pemangku Pengerusi sehingga diadakan pemilihan peringkat cawangan pada April depan.

Katanya, pembatalan perintah pembekuan akan juga dikeluarkan terhadap beberapa lagi cawangan lain seperti Nibong Tebal dan Bayan Lepas sebaik saja pemimpin yang bersesuaian dikenal pasti untuk menerajui-nya buat sementara waktu.